

PUNB lulus pinjaman RM19.8 juta kepada usahawan bumiputera di Sabah

Sasar lahir usahawan baharu

KOTA KINABALU – Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) meluluskan pinjaman melebihi RM19.8 juta kepada 86 usahawan di Sabah sehingga Januari lepas kata Pengerusinya, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam.

Beliau berkata, pihaknya menyasarkan untuk melahirkan 30 usahawan bumiputera baharu di negeri itu bagi meningkatkan penglibatan golongan itu dalam semua bidang pada tahun ini.

“Hari ini (semalam), kita meluluskan enam usahawan (baharu), kita harap lebih ramai usahawan

Sabah akan tampil ke hadapan,” katanya kepada pemberita di pejabat PUNB di Menara Pusat Transformasi Bandar (UTC) Sabah, di sini semalam.

Terdahulu, Mohd. Ali berdialog bersama usahawan Sabah selain melantik jawatankuasa Kelab Kumpulan Usahawan PUNB Sabah sebelum menyerahkan cek pembiayaan bernilai RM1.23 juta kepada lima usahawan negeri tersebut.

Katanya, usahawan Sabah harus merebut peluang kerana PUNB menyediakan pinjaman sebanyak

RM270 juta kepada lebih ramai usahawan pada tahun ini termasuk peruntukan RM70 juta bagi pembelian premis perniagaan di seluruh negara.

Mohd. Ali menjelaskan, PUNB akan melantik 50 pelatih akauntan dan tiga daripadanya akan berada di Sabah bagi membantu usahawan yang menghadapi masalah pengurusan kewangan selain mengurangkan kerugian yang ditanggung oleh mereka.

“Akauntan ini akan dilantik pada bulan depan selepas sesi temu duga pada 28 Februari ini di beberapa

negeri termasuk di Sabah.

“Diharapkan pengambilan itu dapat membantu syarikat yang tidak mampu menyediakan akauntan untuk membuat akaun kira-kira yang menjadi masalah utama usahawan bumiputera,” katanya.

Dalam pada itu, katanya, Kelab Kumpulan Usahawan PUNB Kebangsaan dijangka dilancar Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada April ini bertujuan untuk membincangkan masalah dan hala tuju supaya satu rangkaian kerjasama dibentuk antara usaha-

wan bumiputera.

Mohd. Ali berkata, pihaknya turut menyasarkan untuk mewujudkan sebuah syarikat pemborong di setiap negeri khususnya dalam bidang perkakasan dan elektrik bagi membantu meningkatkan penyeritaan golongan bumiputera.

Sementara itu, Pembantu Menteri Pembangunan Perindustrian Sabah, Datuk Bolkiah Ismail berkata, kerajaan negeri berusaha mewujudkan koordinasi antara beberapa agensi seperti Majlis Amanah Rakyat dan UDA Holdings Berhad bagi membantu usahawan bumiputera mengembangkan perniagaan mereka. – Bernama.

